

AMBIL TAHU

Ceraian SR.5.2.1
PPSM Kemudahan Cuti

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

TUJUAN

Kemudahan CTR bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam untuk **menziarahi jenazah** dan **membantu urusan berkaitan dengan ahli keluarga terdekat**.

3

hari berturut-turut meliputi **hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am**, bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat.

TAFSIRAN AHLI KELUARGA TERDEKAT



Suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto dan anak pelihara adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai.

SOAL JAWAB ISU CUTI

Q Sekiranya **adik beradik seayah** saya meninggal dunia, bolehkah saya menggunakan CTR ini?

A Boleh. Adik beradik seayah termasuk dalam tafsiran Ahli Keluarga Terdekat.

Q Bagaimana pula jika **adik beradik tiri** saya meninggal dunia, bolehkah saya menggunakan CTR ini?

A Tidak boleh. Adik beradik tiri tidak termasuk dalam tafsiran Ahli Keluarga Terdekat.

Q Sekiranya **datuk atau nenek pasangan pegawai** meninggal dunia, adakah pegawai layak menggunakan kemudahan CTR ini?

A Tidak layak. Kemudahan ini hanya boleh digunakan untuk kematian datuk dan nenek pegawai sahaja. Sekiranya datuk tiri atau nenek tiri pegawai meninggal dunia, kemudahan ini juga tidak layak digunakan.

Q Encik Zainal merupakan seorang Pegawai Tadbir Gred N41 di Jabatan A. Beliau mempunyai **dua (2) orang isteri yang sah**. Pada 2 Disember 2023, **bapa kepada isteri kedua** beliau telah meninggal dunia. Encik Zainal pernah menggunakan CTR ini atas **kematian bapa isteri pertama** beliau semasa beliau berkhidmat di agensi lain. Adakah Encik Zainal layak menggunakan kemudahan ini bagi kematian bapa mentua (bapa isteri kedua) beliau?

A Pegawai tidak layak menggunakan kemudahan CTR bagi Kematian Ahli Keluarga Terdekat atas kematian bapa mentua (bapa isteri kedua) kerana pernah menggunakan kemudahan yang sama bagi kematian bapa mentua (bapa isteri pertama) beliau memandangkan kemudahan ini terhad sekali sahaja (bagi bapa mentua) sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.

Q Isteri Encik Ahmad telah **melahirkan anak sulung** mereka pada 15 Januari 2022. Namun begitu, **dua (2) hari** kemudian, **anak beliau telah meninggal dunia**. Adakah pegawai layak menggunakan CTR ini atau kemudahan Cuti Isteri Bersalin?

A Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Isteri Bersalin selama tujuh (7) hari mulai tarikh isteri pegawai bersalin. Sekiranya pegawai menggunakan kemudahan tersebut sebanyak tujuh (7) hari mulai 15 hingga 21 Januari 2022, pegawai tidak layak menggunakan kemudahan CTR Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat berdasarkan prinsip "hanya satu kemudahan dinikmati dalam satu-satu masa".

Q **Bapa pegawai meninggal dunia** pada 3 Mac 2022 pada pukul 10 pagi di kampungnya di **Sarawak**. Oleh sebab **tiket penerbangan penuh**, tarikh terawal pulang adalah pada 6 Mac 2022. Adakah pegawai boleh menggunakan CTR ini bermula 6 Mac 2022?

A CTR ini bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat.

Oleh itu dalam kes ini, pegawai layak menggunakan kemudahan ini bermula 3 Mac 2022 hingga 5 Mac 2022. Pegawai perlu menggunakan Cuti Rehat atau cuti-cuti lain yang berkelayakan sekiranya pegawai ingin bercuti mulai 6 Mac 2022.

*Soalan Lazim ini diolah dari soalan yang dibangunkan oleh pihak JPA.

Unit Pengurusan Cuti dan Emolumen
Seksyen Perkhidmatan & Saraan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
<https://registrar.utm.my/bsm/spks/>
Disember 2023

SPSM/AT/001/2023

